

PESILAT OLAHRAGA/ Jangan bergurukan taekwondo

AMARAN NAJIB

Oleh HAFIFI HAFIDZ 16 OCT 1988

PESILAT-pesilat olahraga ditegah bergurukan taekwondo pada peringkat awal dan bergiat dalam silat itu semata-mata untuk mencapai kemenangan.

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak, berkata beliau tidak mahu ada pesilat berbuat demikian walaupun silat olahraga pada dasarnya mirip taekwondo.

"Kita mahu pesilat-pesilat olahraga mengekalkan keperibadian Melayu yang luhur bagi menjamin seni mempertahankan diri bangsa itu diwarisi dan dihayati sebenarnya oleh generasi akan datang," katanya menutup Kursus Tenaga Pengajar Silat Olahraga Peringkat Kebangsaan, di Ipoh, semalam.

Ucapannya dibacakan oleh Setiausaha Parlimen Kementerian berkenaan, Haji Awang Jabar.

Datuk Seri Najib berkata, bagi memastikan seni silat Melayu tidak hilang pengaruhnya, kementerian menetapkan pesilat olahraga yang menyertai sukan itu terlebih dahulu mempelajari dan menghayati seni silat daripada perguruan tertentu.

"Bagaimanapun disebabkan silat ini mirip taekwondo, saya tidak mahu silat olahraga bergurukannya semata-mata untuk mencapai kemenangan mudah," katanya.

Datuk Seri Najib berkata, silat olahraga perlu

dikembangkan di kalangan masyarakat negara ini dan program khusus perlu dirangka untuk menajayakannya.

E. Minggu M

Beliau berkata, Kementerian Belia dan Sukan bercadang mengandakan usaha pembangunan dan pengembangan sukan itu sejajar dengan konsep "Sukan Untuk Semua" dan "Malaysia Cergas".

Kursus disertai 32 pelatih itu bertujuan mewujudkan sistem gred bagi jurulatih silat olahraga.

Katanya, kesedaran orang ramai terhadap sukan itu semakin meningkat dan kesempatan itu perlu diambil oleh pihak terbabit dengan mengadakan pelbagai usaha untuk kemajuannya.

"Persediaan menyusun program dan kurikulum silat olahraga harus digiatkan bukan sahaja di segi penerangan bagi menarik minat ramai, malah pembangunan ke arah peningkatan mutu," katanya.

Datuk Seri Mohd Najib berkata, sehubungan itu program latihan, kurikulum, disiplin, kaedah, teknik latihan, kewangan, pengurusan dan kepimpinan mesti dibangunkan dengan teratur dan berkesan.

Beliau berkata, sejak silat olahraga diterima sebagai kejohanan antarabangsa beberapa tahun lalu dan di Sukan SEA, sambutan di kalangan penggemar-penggemar silat itu sangat membe-rangsangkan.



■ NAJIB...pastikan silat Melayu tidak hilang pengaruhnya.